

Pengajian Umum Menurut Perspektif Islam* (*General Studies from an Islamic Perspective*)

MOHAMAD SABRI HARON

ABSTRAK

Pengajian umum membekalkan para pelajar dengan nilai-nilai asas yang sepatutnya ada kepada setiap manusia agar berfungsi menjadi manusia yang cemerlang. Apakah nilai-nilai tersebut menurut perspektif Islam?. Kertas ini cuba memberi fokus tentang perkara ini berdasarkan perspektif Islam yang bukan sahaja memberi penekanan tentang Hablum MinanNas (hubungan sesama manusia) tetapi perkaitannya dengan Hablum Minallah (hubungan dengan Allah s.w.t.) yang membawa kepada al-Falah (kejayaan) di dunia dan juga akhirat sebagai suatu destinasi terakhir kepada manusia yang kekal buat selama-lamanya. Untuk itu persoalan mengenai kurikulum dan aksiologinya serta peranan guru dan pelajar adalah amat penting untuk mencapai matlamat al-falah ini.

Kata kunci: pengajian umum; perspektif Islam; kurikulum; aksiologi

ABSTRACT

General studies provides students with the basic values that every human being should have in order to function as a righteous human being. Are those values based on Islamic perspective? This paper attempts to focus on this subject by referring to Islamic perspectives that not only emphasize on the Hablum MinanNas (human relations) but also its relation to the Hablum Minallah (relationship with Allah swt) which will lead to al-Falah (success) in the world as well as the hereafter, the end destination for human beings that will last forever. Therefore, issues related to the curriculum and its axiology as well as the role of teachers and students are very important to be studied in order to achieve this rewarding goal.

Keywords: general studies; Islamic perspectives; curriculum; axiology

PENDAHULUAN

‘Pengajian umum’ atau disebut juga sebagai ‘pendidikan liberal’¹ (Anwar, 1995) disediakan oleh universiti/institusi bagi membekalkan pelajar dengan ilmu-ilmu asas yang perlu ada agar mereka dapat menjalani kehidupan yang berjaya selepas keluar dari universiti/institusi. Ilmu tersebut dianggap sebagai ilmu teras yang tidak dapat tidak mesti diketahui oleh ahli masyarakat yang normal.²

Di dalam sistem pengajian umum sama ada Barat atau Islam terdapat 3 elemen penting yang menjadi fokus utama iaitu tenaga pengajar atau guru, pelajar dan ilmu itu sendiri termasuklah kurikulum, epistemologi dan aksiologinya. Kepentingan ketiga-tiga elemen ini di dalam perspektif Islam dapat dilihat menerusi al-Qur’an dan al-Sunnah yang banyak menekankan soal ilmu, pelajar dan guru seperti sabda Nabi s.a.w. riwayat al-Bazzar yang bermaksud: "jadikanlah dirimu orang alim, atau orang yang menuntut ilmu, atau orang yang

* Artikel ini diterbitkan semula dari Abdul Latif Samian & Mohamad Sabri Haron (2000), *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajian Umum di Alaf Baru*, UKM Bangi: Pusat Pengajian Umum.

selalu mendengar pelajaran agama, ataupun orang yang mencintai (tiga golongan tersebut) dan janganlah engkau menjadi golongan yang kelima, yang dengar sebabnya engkau akan binasa”.³ Dalam riwayat yang lain dari Ibnu mas'ud, r.a., dari Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Pelajarilah ilmu-ilmu agama dan ajarkanlah dia kepada orang ramai; pelajarilah perkara-perkara yang difardhukan dalam Islam dan ajarkanlah dia kepada orang ramai; pelajarilah al-Qur'an dan ajarkanlah dia kepada orang ramai; kerana sebenarnya aku seorang yang akan mati (seperti makhluk-makhluk yang lain juga) dan ilmu juga akan diambil (kembali oleh Tuhan dan hilang lenyap)".⁴

ILMU DAN KELEBIHANNYA

Ilmu dengan kata lain ialah kebolehan tentang sesuatu yang tidak ada kepada makhluk lain.⁵ Nabi Muhammad s.a.w. telah menjelaskan bahawa mencari ilmu merupakan suatu tanggung jawab yang wajib bagi setiap Muslim⁶ dan mematuhi perintah nabi Muhammad s.a.w. merupakan suatu bentuk pengabdian. Pengabdian Muslim kepada Allah s.w.t. dengan mengikuti tatacara melalui arahan utusan terakhir nabi Muhammad s.a.w. di mana Allah s.w.t. menyatakan di dalam al-Qur'an surah an-Nisa' ayat 80 yang bermaksud: “sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah”.

Kedudukan orang-orang yang berilmu adalah tinggi dan mulia seperti firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud: “Allah meninggikan beberapa darjat kedudukan orang-orang yang beriman dan berilmu pengetahuan”. Kepentingan ilmu kepada manusia dapat dilihat menerusi wahyu yang pertama diturunkan iaitu pada surah al-'Alaq iaitu “Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan... mengajarkan manusia dengan pena, mengajar manusia apa-apa yang tidak diketahuinya”. Kelebihan ilmu inilah sebenarnya yang menjadikan manusia itu berbeza dengan makhluk-makhluk lain di mana ianya telah dikurniakan kepada Adam a.s. seperti di dalam ayat al-Qur'an surah al-Baqarah ayat 31 yang bermaksud: “Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama-nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkan kepada malaikat lalu Ia berfirman: “Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar. Malaikat menjawab: Maha suci Engkau (ya Allah), kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah Maha mengetahui, lagi Maha bijaksana.”

Penemuan manusia tentang hukum hakam dan perkara pokok untuk mentadbir dunia ini adalah merupakan penemuan tentang sesuatu sistem yang telah dijadikan sedemikian rupa oleh Allah s.w.t. Ilmu yang diturunkan oleh Allah s.w.t. ini kepada manusia tidak mampu diperolehi tanpa izinNya seperti yang disebutkan di dalam al-Qur'an di dalam surah al-Baqarah ayat 255 yang bermaksud: “Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluknya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di

bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatupun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberi tahu kepadanya)”.

Sebahagian penemuan saintifik adalah secara *accident* (kebetulan). Saintis mencari sesuatu perkara yang mereka tidak ketahui sebelumnya, tetapi secara tidak sengaja mereka bertemu dengan perkara-perkara lain yang berguna dalam kajiannya. Pemikiran sekular berhubung dengan prinsip-prinsip ini telah menghasilkan berbagai teori tetapi secara total menafikan perkara ghaib. Dalam setengah perkara, prinsipnya adalah benar tetapi salah tafsirannya (*interpretion*).⁷

JENIS-JENIS KEPERLUAN ILMU KEPADA MUSLIM

Keperluan ilmu kepada Muslim mengikut keutamaannya ialah ilmu fardu ‘ain, ilmu fardu kifayah dan yang diharuskan, manakala ilmu yang tidak berguna atau tidak bernilai adalah diharamkan.

- i) Ilmu fardu 'ain ialah ilmu yang wajib diketahui oleh setiap Muslim. Ilmu yang wajib dituntut ialah segala yang berhubung dengan masalah ketuhanan termasuklah rukun iman dan rukun Islam. Ia adalah ilmu yang paling asas yang menentukan cara perhubungan individu dengan Penciptanya dan cara perhubungan antara individu dengan individu yang lain. Melaksanakan tugas mengenai perkara-perkara fardu ain ini adalah menjadi kewajipan setiap individu dan sesiapa yang mengabaikannya adalah berdosa kerana mengabaikan nilai asas yang wajib dilakukan oleh manusia.
- ii) Selain dari nilai-nilai asas ini terdapat perkara-perkara yang disebut sebagai sunat iaitu mengiringi tugas wajib ini bagi menjadikannya lebih sempurna. Pengabaian hal ini tidaklah menjadikannya berdosa tetapi kurang sempurna.
- iii) Ilmu fardhu kifayah ialah ilmu yang wajib ke atas masyarakat Muslim. Ianya berhubung dengan keperluan menyempurnakan ibadat seperti mendirikan masjid, mendirikan sekolah, mendirikan bangunan hospital dan sebagainya bagi keperluan masyarakat. Tugas ini memadai dilaksanakan oleh seorang individu sahaja dalam masyarakat. Walau bagaimanapun pengabaian aspek ini menyebabkan kesemua anggota masyarakat tersebut berada di dalam dosa kerana hal ini merupakan amanah Allah s.w.t kepada masyarakat kerana mengabaikan hak-hak kemasyarakatan yang asasi (*dharuriy*).
- iv) Ilmu yang harus iaitu ilmu yang tidak termasuk dalam pengertian darurat bagi masyarakat seperti seni bina, seni sulam, seni ukir dan sebagainya.

Ilmu yang tidak berguna adalah ilmu yang tidak mempunyai nilainya seperti ilmu sihir, astrologi, cara-cara mencuri dan teori-teori sesat.⁸

KATEGORI NILAI DALAM ISLAM DAN HIRARKINYA

Di dalam Islam terdapat lima nilai ukuran terhadap tanggungjawab manusia sama ada mengenai hubungan dengan Tuhan, sesama manusia, makhluk atau alam sekitar mengikut kategorinya tersendiri berdasarkan sejauhmana keperluannya (atau tidak perlunya) bagi manusia untuk menyempurnakan fungsi sebagai manusia mengikut *sibghah* (acuan) Pencipta.

1. Nilai-nilai Ma'ruf (baik dan halal).
Nilai-nilai baik atau halal ini meliputi fardu atau wajib, sunat atau harus.
 - i. Perkara fardu atau wajib adalah perkara yang menjadi tanggungjawab asasi yang tidak boleh ditinggalkan sama sekali. Sesiapa yang meninggalkan perkara yang asasi ini maka dikira berdosa dan dibalas dengan *an-Nar* (neraka) sekiranya tidak bertaubat dan kembali pada jalanNya. Sebaliknya bagi sesiapa yang melakukannya maka diberi ganjaran pahala yang besar dan dimasukkan ke dalam *al-Jannah* iaitu syurga yang penuh nikmat.
 - ii. Sunat atau *matlub* iaitu sesiapa yang melakukannya akan diberi ganjaran pahala dan ianya adalah suatu tuntutan yang sememang sesuai untuk manusia melakukannya kerana ia merupakan penyempurnaan kepada amalan manusia yang asasi. Seseorang yang meninggalkan perkara sunat ini (tanpa meremehkannya) tidak mendapat sebarang hukuman dari Allah s.w.t.
 - iii. *Mubah* atau Harus. Seseorang Muslim bebas memilih untuk melakukannya ataupun tidak. Perkara ini jika dikerjakan oleh seseorang, ia tidak mendapat apa-apa ganjaran sama ada pahala atau dosa dan begitu juga sekiranya perkara ini ditinggalkan (tiada hukuman dikenakan).
2. Nilai-nilai Mungkar (buruk dan terkeji)
Nilai-nilai yang mungkar atau buruk meliputi perkara makruh dan haram.
 - i. Perkara *makruh* ialah suatu perkara yang tidak disukai atau dikeji dan dibenci. Ianya adalah lebih baik ditinggalkan walaupun jika seseorang melakukannya tidak diberi sebarang hukuman ataupun dosa.
 - ii. *Haram* pula ialah sesuatu yang dilarang sama sekali melakukannya. Sesiapa yang melakukannya diberi dosa oleh Allah s.w.t. dan di akhirat nanti di masukkan ke dalam *al-Nar* (neraka) jika tidak bertaubat dan kembali semula ke jalan yang direndai oleh Allah s.w.t. dengan sebenar-benarnya. Ini ialah kerana apa sahaja yang dilarang Allah s.w.t. kepada manusia sebenarnya adalah tidak bernilai kepada manusia bahkan memporak perandakan fungsi manusia itu sendiri sehingga terjerumus ke jalan syaitan yang dimurkai oleh Allah s.w.t.

Oleh itu setiap manusia mestilah mengetahui piawai mutlak antara haram dan halal ini dalam semua perkara bagi kehidupan yang berjaya (*al-falah*), selamat, aman dan sejahtera di dunia dan di akhirat.⁹

ILMU YANG BENAR DAN ILMU YANG SALAH (SESAT)

Ilmu yang benar adalah datangnya dari Allah s.w.t. dan ilmu yang sesat adalah datangnya dari gangguan syaitan. Ilmu yang salah atau sesat adalah jalan bagi syaitan untuk menggoda manusia agar sesat dari jalan Allah s.w.t.¹⁰ Ianya bermula dari Nabi Adam a.s. dan Hawa yang digoda oleh syaitan agar memakan buah larangan di dalam syurga (Surah al-Baqarah ayat 36). Di dalam al-Qur'an Allah s.w.t menceritakan janji syaitan untuk menghasut manusia agar menukar-nukarkan ciptaan Allah s.w.t. dan menyesatkan manusia seperti di dalam surah an-Nur ayat 119 yang bermaksud: “Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran) dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak) lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu, dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah. Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain Aku, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata.”¹¹

Sebagai kesannya, proses pendidikan sama ada peringkat rendah, menengah atau peringkat mana sekalipun tidak terlepas dari dua hakikat ini, benar atau salah. Sebagai contoh tentang ilmu yang salah atau sesat yang diajar di dalam dunia moden pada hari ini ialah tentang teori evolusi Darwin. Walaupun pada dasarnya ia merupakan teori mengenai biologi dan manusia tetapi ia begitu berpengaruh kepada setiap cabang sains sama ada sains tulen atau sains sosial. Ia menjadi prinsip asas yang mencorakkan asas demokratik sekular mengikut pandangan budaya Barat di mana persoalan Tuhan atau agama adalah dibuang dari seluruh ruang kefahaman manusia tentang dunia dan hubungan manusia mengenainya seperti yang diutarakan oleh tokoh evolusi Sir Julian Huxley; “Evolusi tidak ada ruang mengenai *supernatural* (sesuatu keajaiban luar biasa). Dunia dan penduduknya bukanlah diciptakan tetapi berkembang secara evolusi”. Oleh itu mengikut fahaman ini persoalan mengenai Tuhan adalah sesuatu imaginasi manusia yang tidak betul.¹²

Fahaman yang salah ini membawa implikasi yang besar terutama mengenai pengajian atau pendidikan itu sendiri yang **hanya menyentuh mengenai hubungan sesama manusia semata-mata** (*hablum MinanNas*) tanpa melibatkan soal-soal hubungan dengan Allah s.w.t (*hablum Minallah*). Inilah yang membezakan antara pengajian umum menurut perspektif Islam dengan perspektif Barat.

HUBUNGAN DENGAN ALLAH DAN SESAMA MANUSIA

Perbezaan yang besar antara Islam dan Barat ialah pengajian umum Islam itu sendiri menekankan soal-soal hubungan manusia dengan Allah s.w.t. sebagai suatu yang asas yang ditandai dengan kewajiban mengetahui ilmu-ilmu fardu ain kepada setiap individu. Inilah nilainya yang paling utama menurut perspektif Islam sebelum melangkah mempelajari nilai-nilai yang berhubungan dengan sesama manusia. Walau bagaimanapun hubungan manusia dengan Allah s.w.t. tidaklah terpisah dengan hubungan sesama manusia. Oleh kerana itu Islam juga mewajibkan masyarakat bertanggungjawab melahirkan seseorang individu atau beberapa orang individu yang pakar dalam sesuatu bidang bagi tujuan melengkap keperluan asas yang diperlukan oleh sesebuah masyarakat tersebut (*fardu Kifayah*). Pengabaian aspek ini akan menyebabkan seluruh individu di dalam masyarakat tersebut terlibat dengan dosa. Oleh itu dari segi tanggungjawab, Islam memperuntukkan tanggungjawab secara individu dan juga secara kolektif.

Pengabaian kepada kedua-dua tanggungjawab ini akan membawa kepada bencana dan kehinaan seperti firman Allah s.w.t. di dalam surah al-‘Imran ayat 112 yang bermaksud: “Mereka dilitupi kehinaan di mana sahaja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia.”¹³

Kesemua tanggungjawab ini berada di bawah suatu neraca atau piawai yang ditetapkan oleh Pencipta itu sendiri yang disebut sebagai wahyu. Wahyu merupakan suatu yang sudah ditetapkan oleh Allah s.w.t. yang tidak boleh berubah atau diubah. Oleh itu al-Qur’an juga disebut sebagai al-Furqan iaitu pembeza antara benar dan salah. Piawai berteraskan wahyu ini tetap wujud sampai sekarang dan dijamin oleh Pencipta dari sebarang kesalahan seperti di dalam surah al-Hijr ayat 9 yang bermaksud: “Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Qur’an dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”.

Allah s.w.t. sendiri mencabar mana-mana manusia sekiranya mereka tidak yakin dengan wahyu yang terakhir ini yang dibawa oleh nabi terakhir iaitu Nabi Muhammad s.a.w. seperti firmanNya di dalam surah al-Baqarah ayat 23 yang bermaksud: “Dan jika kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Qur’an) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur’an itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar”.

Nilai-nilai ke arah merealisasikan fungsi sebenar manusia inilah yang menjadi fokus kepada pengajian umum menurut perspektif Islam. Dengan kedudukan piawai wahyu yang tidak berubah maka pengajian Islam sebenarnya lebih mudah untuk difahami kerana sumber aslinya begitu mudah dirujuk. Dengan kewujudan alat media elektronik pada hari ini, ayat-ayat al-Qur’an dan kitab-kitab hadis sudah dimasukkan ke dalam *CD-rom* yang amat mudah untuk digunakan. Ini berbeza dengan perspektif Barat yang melihat sesuatu itu secara relatif dan tidak ada nilai mutlak. Untuk itu kehidupan manusia tidak mempunyai halatuju yang jelas khususnya mengenai tujuan akhir kehidupan manusia itu sendiri. Apa yang ditekankan ialah nilai-nilai hubungan sesama insan yang relatif dan kemahiran kerjaya tanpa ada tujuan keakhiratan manakala nilai-

nilai kerohanian atau persoalan ketuhanan bukanlah menjadi tujuan utama dalam pendidikan mereka. Inilah yang membezakannya dengan pengajian umum menurut perspektif Islam kerana fokus para nabi adalah memberi penekanan utama tentang nilai dalaman atau disebut sebagai akhlak. Perkataan akhlak itu sendiri adalah merujuk kepada kejadian roh itu sendiri di mana kejadian manusia itu seperti yang diketahui umum adalah terdiri dari dua unsur iaitu roh dan jasad. Kedua-duanya memerlukan makanannya sendiri di mana roh memerlukan amalan ibadat (sama ada khusus atau umum) yang diredai oleh Pencipta manusia (dan sekalian alam) iaitu Allah s.w.t., manakala jasad memerlukan makanan fizikal seperti yang kita sedia maklum.

Sepertimana jasad dan roh bagi manusia yang hidup itu tidak terpisah (jika terpisah maka dikatakan mati), begitu jugalah halnya dengan makanan bagi roh dan makanan fizikal. Kesemua itu adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Seseorang Muslim yang ingin memenuhi keperluan jasad adalah menjadi ibadat kepadanya sekiranya dia makan dengan menyebut nama Allah s.w.t. dan berdoa serta berniat bahawa makanan yang ingin dimakannya adalah untuk tujuan yang mulia (bukannya maksiat) kerana Allah s.w.t. Makanan yang dimakannya juga mestilah makanan yang diharamkan oleh Allah s.w.t. sama ada halal dari sudut fizikal atau dari sudut *maknawi* (contohnya makanan bersih secara fizikal tetapi diperolehi dari hasil riba adalah juga haram).

Di dalam perspektif Barat sekular, oleh kerana persoalan wahyu langsung tidak ada maka ketelitian dalam menjaga adat dan hubungannya dalam semua perkara tersebut iaitu menyentuh mengenai hubungan langsung manusia dengan Allah s.w.t. atau hubungan sesama manusia tidak diberi penekanan. Apa yang diutamakan ialah persoalan lahiriah semata-mata-mata tanpa memberi kedudukan yang istimewa mengenai soal dalaman atau akhlak. Jika kita terikut-ikut dengan fenomena ini lama kelamaan masyarakat menganggap persoalan mengenai akhlak ini seolah-olah tidak ada ‘*standard*’ nya di dalam masyarakat yang mana ianya menjadi pakaian bagi orang-orang bodoh atau kuno sahaja. Perkara seperti ini disebut di dalam al-Qur’an surah al-Baqarah ayat 13 yang bermaksud: “Dan apabila dikatakan kepada mereka; berimanlah kamu sebagai mana orang-orang itu telah beriman’. Mereka menjawab: ‘Patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang bodoh itu?’. Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)”.

Masyarakat Barat sudah tidak melihat manusia itu dari sudut kemanusiaan sehingga seorang bayi itu sanggup dijual oleh ibubapa untuk membeli barangan seperti televisyen, peti sejuk dan lain-lain.¹⁴ Jika persoalan akhlak yang menjadi mesej para utusan Allah s.w.t. ini tidak diberi penekanan di dalam pendidikan masyarakat kita, maka kesan yang paling menonjol ialah terhakisnya nilai-nilai ini seperti yang telah dapat kita rasakan sekarang. Buah yang dihasilkan adalah sama seperti pokoknya. Pokok materialisme dan pragmatisme yang menjiwai tamadun Barat tidak mungkin membuahkan hasil akhlak kemanusiaan yang dapat memperkukuh sendi binaan kemasyarakatan sebaliknya ia membuahkan kehancuran dan keruntuhan akhlak yang menggoncangkan struktur binaan masyarakat dan mengancamnya dengan kehancuran seperti firman Allah s.w.t di dalam surah al-A'raf ayat 58 yang bermaksud:

“Dan negeri yang baik (tanahnya), tanam-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah dan negeri yang tidak baik (tanahnya), tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan bantut. Demikianlah kami menerangkan tanda-tanda (kekuasaan) Kami dengan berbagai-bagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur”.

Sesungguhnya hubungan manusia sesama manusia yang berpaksikan hubungan asasi dengan Allah s.w.t. sebagai Pencipta akan melahirkan kerjasama, interaksi, perpaduan dan kesejahteraan. Sesungguhnya tidak ada yang mampu memberikan perasaan hormat menghormati, kasih sayang, perpaduan dan kesejahteraan kecuali Pencipta manusia dan sekalian makhluk iaitu Allah s.w.t. Hakikat ini tidak dapat dijelmakan oleh manusia kecuali kembali kepada jalan Allah s.w.t. yang selamat dan diredaiNya iaitu jalan Islam. Sebagai natijahnya segala kebaikan itu adalah kembali kepada manusia itu sendiri di mana manusia itu akan mencapai Hasanah Fid Dunia Wal Akhirah iaitu kebaikan di dunia dan di akhirat bahkan kejayaan yang sebenarnya ialah kejayaan di akhirat yang kekal abadi selama-lamanya.

ILMU YANG BERGUNA DAN ILMU YANG TIDAK BERGUNA

Ilmu yang benar terbahagi kepada ilmu yang berguna dan ilmu yang tidak berguna. Konsep falsafah Barat “ilmu untuk kepentingan ilmu” adalah merupakan suatu yang janggal bagi paradigma Islam. Allah menurunkan ilmu untuk digunakan oleh manusia ke jalan yang diredhaiNya. Ilmu yang tidak berguna untuk manusia mestilah dijauhan. Nabi Muhammad s.a.w. selalu memohon perlindungan daripada ilmu yang tidak berguna. Inilah hasil atau buah kepada ilmu itu. Ilmu yang berguna adalah berkait rapat dengan keperluan manusia pada setiap masa. Dalam hal ini, secara praktiknya, memenuhi tuntutan keperluan semasa adalah menjadi keutamaan berbanding dengan keperluan untuk jangka panjang. Pendidikan Muslim pada peringkat awal, menekankan tentang kajian-kajian secara praktikal seperti kemahiran teknologi tentang kemajuan sistem pengairan, bidang arkitek, besi, tenunan, periuk belanga dan barangan kulit.¹⁵

EPISTEMOLOGI ILMU ISLAM

Terdapat dua sumber ilmu (*epistemology of knowledge*) di dalam Islam iaitu ilmu wahyu dan ilmu bukan wahyu.

- i. Ilmu wahyu adalah ilmu yang tidak dapat dicapai oleh akal. Ianya datang secara langsung dari Allah s.w.t. menerusi para rasul dan yang terakhir ialah nabi Muhammad s.a.w. Ia juga disebut sebagai ilmu ‘*Tanzil*’ iaitu ilmu yang turun dari langit. Bagi Barat Sekular, ilmu wahyu ini tidak ada kerana ia menafikan Pencipta yang seterusnya menafikan nilai mutlak. Inilah perbezaan asas antara Islam dengan Barat Sekular.

- ii. Ilmu bukan wahyu yang mampu dicapai oleh akal. Sebagai contoh ilmu logik seperti matematik, ujikaji seperti perubatan atau menerusi pendengaran seperti ilmu bahasa.¹⁶

AKSIOLOGI ILMU ISLAM

Aksiologi berasal dari perkataan Inggeris *axiology* yang bermaksud sains nilai, teori dan sistem nilai. *Axiology* berasal dari dua suku kata Greek iaitu *axios* (harga atau nilai) dan *logos* (logik ataupun teori) yang membawa maksud teori nilai¹⁷. Di dalam bahasa Arab disebut sebagai '*ilm al-Qiyam*'.¹⁸

Apa yang dimaksudkan dengan nilai ialah ukuran atau piawai yang mencerminkan perlakuan manusia sama ada betul dan salah atau baik dan buruk. Di dalam Islam, ukuran nilai adalah mutlak dan ianya mestilah berasaskan kepada wahyu Allah s.w.t. iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Oleh itu halatujtu seseorang dari ilmu pengetahuannya mestilah ke arah mencapai keredaan Allah berpandukan kepada nilai mutlak ini iaitu wahyu.

Aksiologi merupakan tujuan akhir ilmu pengetahuan iaitu ke arah manakah halatujtu yang ingin dibawa oleh seseorang individu menerusi ilmu pengetahuannya. Di sana berlaku perdebatan yang panjang mengenai hal ini. Ada yang berpendapat bahawa pengetahuan itu sendiri merupakan tujuan pokok bagi sesiapa yang bertungkus lumus mencarinya sehingga menghasilkan slogan "ilmu pengetahuan untuk ilmu pengetahuan". Ada juga yang berpendapat bahawa ilmu pengetahuan sebagai alat untuk menambah kesenangan di atas dunia ini. Sebahagian yang lain cenderung kepada menjadikannya sebagai alat bagi meningkatkan kebudayaan dan kemajuan bagi umat manusia secara keseluruhannya.¹⁹

Islam melihat bahawa tujuan ilmu pengetahuan bukan hanya sekadar untuk kejayaan duniawi semata-mata tetapi lebih jauh dari itu iaitu untuk kejayaan di dunia dan di akhirat. Al-Qur'an melihat bahawa mati bukanlah sebagai pengakhiran tetapi merupakan tahap perpindahan alam yang tidak kita ketahui. Di sana ada kesenangan bagi sesiapa yang berjaya melaksanakan amanah Allah s.w.t. sebagai manusia dan di sana juga ada kesengsaraan bagi yang mengabaikan amanah Allah s.w.t. tersebut seperti firman Allah s.w.t.: (Kesudahan golongan yang kufur ingkar itu apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara mereka, berkatalah ia: Wahai Tuhanku kembalikanlah aku (hidup semula di dunia). "Supaya aku mengerjakan amal-amal salih dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan" . Tidak! masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang ia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat).” (Surah al-Mu'minun: ayat 100).

Sesudah beradanya di alam kubur atau alam Barzakh maka akan datang selepas itu ialah alam yang kekal abadi seperti firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Mutaffifin ayat 6 yang bermaksud: “(Iaitu) hari manusia berdiri menghadap Tuhan sekalian alam”.

Bagi mencapai keredaan Allah s.w.t. ini atau dengan kata lain berjaya di dunia dan di alam selepasnya maka terdapat kayu ukur atau piawai yang mutlak yang digariskan oleh Islam di atas konsep *al-amr bi al-ma-ruf* dan *al-Nahy an al-munkar* (suruhan berbuat kebaikan dan tegahan berbuat kemungkaran). Oleh itu ukuran nilai baik dan nilai buruk merupakan milik Allah s.w.t. - yang menjadikan manusia dan sekalian alam - secara mutlak kerana itu ukuran baik dan buruk mestilah berdasarkan kepada wahyu sebagai ukuran mutlak. Nilai ini telah dibawa oleh rasul-rasul yang disebut sebagai wahyu. Ilmu wahyu antara lain mengandungi akidah, syariat dan akhlak. Ia memberi nilai kepada ilmu, pemikiran dan aktiviti manusia. Oleh itu wahyu berfungsi sebagai ilmu utama atau ilmu penentu kepada akal. Akal atau fikiran manusia sentiasa dipengaruhi oleh alam sekitarnya, tempat, zaman, keadaan dan perasaan individu. Oleh itu kedudukan akal adalah terhad khususnya untuk mengetahui nilai sejagat sama ada dari segi baik atau tidak baiknya sesuatu perbuatan manusia. Untuk itu akal memerlukan wahyu bagi menjelaskan hakikat nilai yang sebenarnya.

KEPENTINGAN NILAI AKHLAK KEPADA MANUSIA

Menyedari tentang hakikat bahawa manusia akan berpindah ke alam barzakh dan seterusnya dibangkitkan semula di alam akhirat untuk dinilai semula oleh Allah s.w.t. maka perlulah diketahui apakah nilai yang baik itu sebenarnya di sisi Allah s.w.t. iaitu yang diberi pahala di sisi Allah s.w.t. Oleh kerana kita adalah manusia yang dijadikannya dan dinilai oleh Allah s.w.t. maka nilai yang diredai olehNya itu mestilah berdasarkan dengan apa yang diputuskan olehNya bukannya berdasarkan keputusan manusia. Oleh itu ukuran nilai baik dan nilai buruk merupakan milik Allah s.w.t. - yang menjadikan manusia dan sekalian alam - secara mutlak kerana itu ukuran baik dan buruk mestilah berdasarkan kepada wahyu sebagai ukuran mutlak. Nilai ini telah dibawa oleh rasul-rasul yang disebut sebagai wahyu. Ilmu wahyu antara lain mengandungi akidah, syariat dan akhlak. Ia memberi nilai kepada ilmu, pemikiran dan aktiviti manusia. Oleh itu wahyu berfungsi sebagai ilmu utama atau ilmu penentu kepada akal. Akal atau fikiran manusia sentiasa dipengaruhi oleh alam sekitarnya, tempat, zaman, keadaan dan perasaan individu. Oleh itu kedudukan akal adalah terhad khususnya untuk mengetahui nilai sejagat sama ada dari segi baik atau tidak baiknya sesuatu perbuatan manusia. Untuk itu akal memerlukan wahyu bagi menjelaskan hakikat nilai yang sebenarnya.

Di dalam Islam wahyu merupakan sumber utama kehidupan iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Al-Qur'an dan al-Sunnah mengajar manusia tentang halatuju yang sebenarnya kepada kehidupan insan iaitu berpaksikan kepada aqidah yang sahih. Hasil dari aqidah yang

sahih ini akan melahirkan amalan insan yang hanya ditujukan untuk *mardhatillah* iaitu kerediaan Allah semata-mata iaitu *taqwa*. Sebagai natijahnya seseorang itu tidak akan melakukan perkara-perkara yang tidak layak dilakukan sebagai manusia berpandukan kepada lima nilai tadi sama ada dia berseorangan atau ketika bersama dengan manusia-manusia yang lain.

Selain daripada perkara aqidah yang melibatkan amalan hati, al-Qur'an dan al-sunnah juga menjelaskan perkara-perkara mengenai syariat Islam iaitu perkara-perkara yang melibatkan amalan anggota yang juga saling berhubungan dengan amalan hati tadi. Gabungan di antara amalan hati dan amalan anggota tersebut apabila dicernakan secara berterusan oleh seseorang manusia sehingga menjadikannya sebagai pakaian harian atau cara hidup, maka hasil atau natijahnya dikatakan sebagai akhlak yang baik. Oleh itu amalan hati dan amalan anggota menurut perspektif Islam adalah saling berhubungan di antara satu sama lain. Ianya sudah tentulah berbeza dengan etika yang hanya memandang baik dari aspek perilaku luaran semata-mata tanpa ada hubungannya dengan aspek dalaman manusia.

Aqidah yang sah iaitu melibatkan amalan hati atau batin ini menurut Islam merupakan suatu titik pusat atau nukleus yang menjanakan anggota manusia ke arah pelaksanaan amalan luaran yang sempurna mengikut garis panduan wahyu untuk itu manusia yang menjadikan sumber al-Qur'an dan al-Sunnah ini sebagai landasan amalannya di dalam kehidupan akan menghasilkan kebaikan sama ada pada din sendiri, keluarga, masyarakat dan negara yang seterusnya dinilai oleh Allah s.w.t. sebagai pahala di sisiNya.

Persoalan akhlak merupakan perkara di mana akal fikiran manusia tidak sampai untuk mengetahuinya dan perlunya dijelaskan oleh Rasul. Sistem nilai ini berlandaskan kepada kepercayaan asasi bahawa hanya Allah s.w.t. sahaja yang berhak dipatuhi di mana semua manusia wajib mengabdikan diri kepadaNya semata-mata. Nilai-nilai yang berhubungan dengan aspek kehidupan manusia dari segi sosial, ekonomi, politik dan sebagainya adalah datangnya dari sumber yang sama iaitu wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah yang didatangkan oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w. Kesemuanya itu di atas ikatan yang satu iaitu bagi mencapai *mardatillah* iaitu kerediaan Allah s.w.t. yang Maha Tinggi dan Maha Agung. Sekiranya semua manusia memenuhi tuntutan Allah ini maka mereka berada di dalam keadaan kesejahteraan, ketenangan, bersikap kasih sayang dan rahmah (belas kasihan) sesama insan serta diberi rezeki dari Allah s.w.t. lantaran mereka berada pada landasan *Siratul Mustaqim* iaitu jalan lurus yang diberi kenikmatan dan kebaikan di sisi Allah s.w.t. seperti yang dipohon oleh setiap Muslim menerusi ibadat sembahyang di dalam surah al-Fatihah ayat 6 dan 7 yang bermaksud: "Tunjukilah Kami jalan yang lurus, iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan ni'mat kepada mereka (Nabi-nabi, Rasul-rasul dan orang yang beriman serta beramal salih), bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat".

Sesungguhnya Allah s.w.t. memperluaskan lingkungan kehidupan di mana kehidupan ini tidak hanya terbatas kepada kehidupan duniawi sahaja, tetapi dijadikannya kehidupan itu terbentang dari dunia sehingga ke akhirat. Di antara keduanya, terdapat kehidupan

barzakh (alam kubur) yang tidak diketahui kecuali sedikit. Jika kita bandingkan antara kedua-dua kehidupan dunia dan akhirat ini, kita tidak mampu membandingkannya kerana dunia ini merupakan tempat ujian dan cubaan yang amat singkat waktunya dan akan binasa. Manakala akhirat pula merupakan pembalasan yang kekal abadi selamanya sepertimana firman Allah di dalam surah al-'Ankabut ayat 64 yang bermaksud: “Dan (ingatlah) bahawa kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya), jika dinilai dengan kehidupan akhirat tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan, dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat)”.

PERANAN GURU

Peranan guru merupakan peranan yang mulia dan suci sekiranya berperanan membawa manusia kejalan yang diredhai olehNya iaitu memartabatkan manusia kepada fungsinya yang sebenar seperti yang diamanahkan dengan membawa ilmu yang benar. Seperti mana yang kita ketahui pendidikan di dalam Islam merupakan ibadat. Oleh itu guru mestilah mempunyai kualiti tertentu untuk menyampaikan maklumat menurut cara Islam. Dia mestilah betul-betul memahami ilmu-ilmu Islam dan mempunyai niat yang ikhlas sebagai suatu kesinambungan tugas para rasul bukannya dilihat semata-mata untuk mencari nafkah. Tugasnya adalah mulia kerana ingin membangunkan minda pelajar yang terarah kepada kehendak Penciptanya yang sebenar. Jika tidak, peranan pendidik hanya tidak lebih dari melahirkan para graduan yang berijazah tanpa merasakan kehebatan akhlak para rasul yang sepatutnya dijunjung tinggi dan direalisasikan menjadi pakaian hariannya.

Penghayatan terhadap nilai-nilai akhlak sebagai landasan utama yang dijelmakan menerusi sistem pengajian umum Islam seperti ini insyaAllah akan melahirkan individu dan seterusnya umat yang mempunyai nikmat ketenangan yang hakiki kerana berada di atas landasan yang lurus (*Siratal Mustaqim*). Untuk itu para pendidik mestilah: ²⁰

- 1) Menjelaskan tentang persoalan fizikal/sains yang seimbang menurut fitrah Allah s.w.t. tersebut mempunyai hikmah disebaliknya iaitu menuntut manusia agar menjadi insan yang seimbang bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga dari segi metafiziknya (soal-soal kerohaniannya).
- 2) Keseimbangan fizikal boleh difikir oleh manusia sama ada pada kejadian Allah s.w.t. pada makhlukNya yang besar dan kecil tetapi mengenai persoalan metafizik yang seimbang, yang hakiki dan selari dengan fitrah mestilah didasarkan kepada wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah. Ini kerana peranan akal manusia begitu terbatas sekali dan memerlukan petunjuk wahyu sahaja sebagai piawai di dalam menentukan hakikat sebenar persoalan metafizik ini.

- 3) Isu-isu tentang sains dan aspek-aspek lain hendaklah dilihat menerusi perspektif al-Qur'an dan al-Sunnah sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sains dan al-Qur'an tidak pernah terdapat percanggahan seperti yang pernah dijelaskan oleh Dr. Maurice Bucaille : "Whereas monumental errors are to be found in Bible, I could not find a single error in the Quran" (sementara terdapat kesalahan-kesalahan yang amat ketara dalam Bible, saya tidak mendapati satu kesalahan pun di dalam al-Qur'an).
- 4) Setiap manusia mestilah mengkaji dan tidak bersikap mengikut secara membuta tuli sahaja dengan apa yang didapati. Untuk itu al-Qur'an menggalakkan manusia untuk mengkaji tentang sesuatu maklumat bahkan al-Qur'an menggalakkan manusia meneliti dan terus meneliti serta menguji kesahihan maklumat agar mendapat hakikat kebenaran yang mutlak berdasarkan petunjuk al-Qur'an. Firman Allah s.w.t: "Kitab al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa" (al-Baqarah ayat 2). Firman Allah s.w.t: "Dialah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan-pandangan(mu) - dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?. Kemudian ulangilah pandangan(mu) berkali-kali, nescaya pandangan(mu) itu akan berbalik kepadamu dengan hampa (dari melihat sebarang kecacatan), sedang ia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga dengan sia-sia)" (al-Mulk ayat 3-4).

PERKEMBANGAN TEKNOLOGI SEMASA

Perkembangan sains dan teknologi yang pesat adalah sentiasa diterima di dalam ruang lingkup sistem pengajian Islam. Mihrab masjid sebagai contoh diperkenalkan bagi tujuan untuk membesarkan suara imam sembahyang. Begitu juga menara masjid juga dihasilkan bagi menambah gema suara ketika azan dilaungkan. Penggunaan mikrofon dan lain-lain juga sebagai memenuhi fungsi ini adalah diterima di dalam Islam.²¹

Walau bagaimanapun seseorang pendidik tidak seharusnya meletakkan alat-alat ini sebagai matlamat utama di dalam pengajaran (kecualilah kursus-kursus yang terlibat langsung dengan alat-alat tersebut). Ia seharusnya dilihat sebagai perantara (medium) untuk keberkesanan di dalam menyampaikan mesej pengajaran. Oleh itu seorang pendidik perlu menguasai teknik-teknik pengajaran lain dari segi penekanan nada suara, gaya penyampaian dan lain-lain. Ini adalah penting bagi mengelakkan kebosanan pelajar apabila alat-alat teknologi canggih ini tidak berfungsi secara tiba-tiba kerana sebab-sebab tertentu sedangkan masa kuliah adalah begitu terhad sekali. Sehingga hari ini pun ceramah agama tetap digemari bukan kerana alat-alat canggih tetapi kerana penyampaian yang berkesan dari penceramah (pendidik).

KURIKULUM

Apabila kita memahami halatuju pendidikan Islam yang menekankan *al-falah* (kejayaan) di dunia dan di akhirat yang menekankan nilai baik dan menjauhi nilai buruk, memberi keutamaan mengenai hubungan manusia dengan Allah s.w.t. sebelum hubungan sesama manusia mengikut landasan wahyu, maka kurikulum pengajian umum sama ada secara langsung atau tidak langsung semestinyalah terarah kepada membangunkan minda pelajar terhadap peri pentingnya aqidah Islam dan peranannya di dalam membangunkan diri dan masyarakat di dalam berbagai bidang. Sekalipun isi kurikulum tersebut menyentuh mengenai sains tabi'i atau sains sosial untuk, keperluan semasa tetapi halatuju terakhirnya bukan hanya terhenti untuk aktiviti atau kemahiran di dunia ini sahaja tetapi mestilah diarahkan kepada mengenali Pencipta dan fungsi sebenar manusia itu dijadikan iaitu sebagai *khalifah* di muka bumi untuk mentadbirkan alam dengan penuh harmoni dan bijaksana.

KESIMPULAN

Asas yang membezakan antara pendekatan Islam dan Barat Sekular ialah pendidikan sekular berasaskan kepada menyediakan pelajar untuk memenuhi keperluan material di dalam masyarakat, manakala pendekatan Islam mengarahkan kepada latihan dan penyediaan manusia ke arah melaksanakan perintah Allah s.w.t. untuk mendapat ganjaran selepas mati. Setelah mengenal pasti apakah dia akhlak yang menjadi aktiviti Rasulullah s.a.w., maka pengajian umum Islam mestilah menjurus kepada nilai akhlak ini sebagai halatuju yang sebenar, bukannya kepada kenikmatan material tetapi kenikmatan atau kepuasan rohani yang hakiki sebagai paksi utama kehidupan manusia, di mana soal material itu menjadi pengantar (*medium*) ke arah kenikmatan rohani bukan sebaliknya, sehingga barangkali akan terhasillah ungkapan 'belajarlah bersungguh-sungguh agar menjadi peguam atau doktor yang berakhlak'.

RUJUKAN

- 1 Anwar Zainal Abidin. 1995. "Peradaban Islam Sebagai Satu Kursus Dalam Pengajian Umum" dlm. *Isu-isu Pendidikan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Umum., hlm. 31.
- 2 Abdul Latif Samian. 1995. "Pendidikan Tamadun Islam Daripada Perspektif Pendidikan liberal" dlm. *Isu-isu Pendidikan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian umum., hlm. 19.
- 3 Haji Muhammad Noor Haji Ibrahim dll. 1989. *Muqaddimah Mastika Hadis Rasulullah s.a.w.* Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. hlm. 65.
- 4 *Ibid.* hlm. 63.
- 5 Abu Ameenah Bilal Philips. 1998. "General Education From The Islamic Perspective" dlm. *General studies The Education Of Man*. Bangi: Centre For General studies. hlm. 134.
- 6 Haji Muhammad Noor Haji Ibrahim. *Muqaddimah Mastika Hadis Rasulullah s.a.w.* hlm. 60.
- 7 Abu Ameenah Bilal Philips. 1997. "General Education From The Islamic Perspective" hlm. 135.
- 8 Sulaiman Noordin. 1988. *Sains Menurut Perspektif Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum. hlm. 6



- 9 Mohamad Sabri Haron. 1999. “Aksiologi Pendidikan Islam” dalam *International Conference on Teaching and Learning*, Fakulti Pendidikan & Kementerian Pendidikan Malaysia, Renaissance Palm Garden Hotel, Putrajaya, Selangor, 24-25 November 1999.
- 10 Abu Ameenah Bilal Philips. “General Education From The Islamic Perspective” hlm. 137
- 11 Basmeit, Sheikh Abdullah (peny.) 1992 (ed.5). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Our-an*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. hlm. 221.
- 12 Abu Ameenah Bilal Philips. “General Education From The Islamic Perspective” hlm. 137-138.
- 13 Ashdiddiqi, T.M Hasbi dll. 1971, *al Qur’an dan Terjemahnya*, Jakarta Penyelenggara Penterjemah / Pentafsir al-Qur’an. hlm. 94.
- 14 Yusuf al-Qardhawi. 1999. Terjemahan oleh Haji Juanda Haji Jaya, *Tamadun Islam Alternatif Masa Depan*. Bandar Baru Bangi: Maktabah al-Qardhawi. hlm. 49
- 15 Abu Ameenah Bilal Philips. “General Education From The Islamic Perspective” hlm. 138-139.
- 16 *Ibid*. hlm. 136. Lihat juga Sulaiman Noordin. *Sains Menurut Perspektif Islam*. hlm.2-5.
- 17 Morad, Ahmad Fauzi & Talib, Ahmad Tarmizi. 1997. *Tamadun Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. hlm. 34.
- 18 Ba’albaki, Munir. 1997. *Al-Mawrid*. Beirut: Dar El-ilm Lil-Malayen. hlm. 78.
- 19 Mohamad Sabri Haron. 1999. *Aksiologi Pendidikan Islam*. hlm.3.
- 20 *Ibid*. hlm. 13.
- 21 Abu Ameenah Bilal Philips. *General Education From The Islamic Perspective*” hlm. 142.